



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**


**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam**

### **PENOLONG PEGAWAI PERHUTANAN TINGKAT I (C.3-4 EB.5) JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A)** PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B)** Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C)** Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D)** Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PENOLONG PEGAWAI PERHUTANAN TINGKAT I  
JABATAN PERHUTANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN  
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = DUA (02)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**


1. a) *BDTVEC/BTEC* Diploma Tertinggi Kebangsaan (*HND*) atau sebanding dalam bidang Biologi / Ekonomi / Geografi / Matematik / Statistik atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perhutanan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sebagai Penolong Pegawai Perhutanan Tingkat II atau jawatan yang bersesuaian dalam tangga gaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tanggagaji C.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.
2. Mengetahui Asas Perhutanan.
  3. Lulus dalam Sijil Asas Perhutanan adalah kelebihan.
  4. Keutamaan adalah bagi calon **Lelaki**.



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Menyediakan rancangan kerja dan peruntukan tahunan;
2. Membantu Ketua Seksyen dalam merancang, mengawal selia dan mendokong pembangunan industri perhutanan melalui pengurusan sumber hutan negara khususnya dalam pengambilan hasil hutan atau operasi pembalakan;
3. Membuat pemantauan terhadap pengeluaran balak-balak syarikat pembalakan;
4. Memastikan proses penyelarasan permohonan-permohonan yang diterima berjalan dengan lancar dan mengikut piawaian Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR);
5. Membantu dalam pengurusan sumber manusia seksyen pengeluaran hutan untuk mendapat latihan yang bersesuaian bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran setiap Pegawai dan Kakitangan;
6. Melaksanakan tugas-tugas pemetaan bagi kawasan-kawasan pembalakan;
7. Membantu menyediakan laporan kerja, laporan teknikal dan kertas kerja Jabatan; dan
8. Menjalankan tugas-tugas khas dan apa jua yang diarahkan oleh Ketua Jabatan atau Pegawai atasan dari semasa ke semasa.